

29 MAY 2003

RAFIDAH-EKONOMI

MALAYSIA DI LANDASAN BETUL ATASI MASALAH KETIDAKTENTUAN EKONOMI

KUALA KANGSAR, 29 Mei (Bernama) -- Malaysia berada di atas landasan yang betul dalam menangani masalah ketidaktentuan ekonomi dunia masakini, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau berkata dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencatatkan pertumbuhan empat peratus dalam suku pertama tahun ini dan langkah-langkah yang diambil bagi menangani masalah yang akan timbul, Malaysia dijangka mampu menangani segala masalah ekonomi.

Katanya, pertumbuhan KDNK sebanyak empat peratus dalam suku pertama juga menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai perancangan yang baik dalam menguruskan ekonomi walaupun keadaan ekonomi dunia yang tidak baik.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan bangunan baru dan melancarkan Persatuan Bekas-Bekas Pelajar Sekolah Kebangsaan Datin Khadijah di sekolah tersebut, di sini hari ini.

"Bagi suku kedua, kita memang telah mengambil langkah mengatasi masalah yang dihadapi dan saya yakin kita mampu dapat hasil yang baik. Manakala bagi suku ketiga, kita telah sediakan pakej pre-emptive yang diumumkan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) baru-baru ini," katanya,

Semalam, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz mengumumkan bahawa pada suku pertama tahun ini KDNK negara berkembang empat peratus berbanding suku pertama tahun lalu dan ia merangkumi semua sektor ekonomi.

Rafidah berkata berdasarkan kepada kemampuan Malaysia mengambil langkah-langkah yang sepatutnya bagi menangani kesan masalah ekonomi, beliau yakin Malaysia mampu mencapai sasaran bagi ekonomi negara berkembang sebanyak 4.5 peratus bagi seluruh tahun ini.

"Pakej pre-emptive yang diumumkan lebih menumpukan kepada usaha merangsangkan ekonomi domestik. Kita sebenarnya banyak bergantung kepada ekonomi domestik ini.

"Selain itu, ekonomi kita juga berorientasikan kepada sektor industri dan perkhidmatan. Kerana itu pakej tersebut menyediakan peluang dan fleksibiliti kepada dua sektor itu. Saya yakin dengan langkah ini kita boleh kembangkan lagi ekonomi kita," katanya.

Malaysia boleh bertahan walaupun ketidaktentuan ekonomi ini menyebabkan banyak negara terjejas teruk, kerana Malaysia berjaya membuktikan ia sebuah negara yang stabil daripada segi politik, ekonomi dan sosial, tambahnya.

"Sekarang ini dunia menghadapi masalah kerana SARS (Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk). Bagaimanapun, Malaysia telah berjaya menangani masalah SARS ini dengan sebaik mungkin," katanya.

-- BERNAMA

KAY OS